



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

**KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH
PENDIDIKAN KHAS**

Bahasa Melayu Komunikasi

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran

Tingkatan 4 dan 5



**KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH
PENDIDIKAN KHAS**

Bahasa Melayu Komunikasi

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran

Tingkatan 4 dan 5

**Bahagian Pembangunan Kurikulum
SEPTEMBER 2018**

Terbitan 2018

© Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 4-8, Blok E9, Parcel E, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya.

KANDUNGAN

Rukun Negara.....	v
Falsafah Pendidikan Kebangsaan	vi
Definisi Kurikulum Kebangsaan	vii
Kata Pengantar.....	ix
Pendahuluan.....	1
Matlamat.....	2
Objektif.....	2
Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Menengah.....	3
Fokus	4
Kemahiran Abad Ke-21.....	5
Kemahiran Berfikir Aras Tinggi.....	6
Strategi Pengajaran dan Pembelajaran.....	7
Rancangan Pendidikan Individu.....	11
Elemen Merentas Kurikulum.....	11
Pentaksiran Bilik Darjah.....	16
Tahap Penguasaan Umum	18
Tahap Penguasaan Keseluruhan	18
Organisasi Kandungan.....	21

Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi Tingkatan 4	23
Kemahiran Mendengar dan Bertutur atau Melihat, Mendengar dan Berisyarat	24
Kemahiran Membaca atau Mengisyarat	28
Kemahiran Menulis	30
Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi Tingkatan 5	35
Kemahiran Mendengar dan Bertutur atau Melihat, Mendengar dan Berisyarat	36
Kemahiran Membaca atau Mengisyarat	41
Kemahiran Menulis	44
Panel Penggubal.....	49
Penghargaan.....	50



RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA Negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak:
Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;
Memelihara satu cara hidup demokratik;
Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara
akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;
Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi
kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak;
Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan
sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara”

Sumber: Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)

DEFINISI KURIKULUM KEBANGSAAN

3. Kurikulum Kebangsaan

(1) Kurikulum Kebangsaan ialah suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan.

Sumber: Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997

[PU(A)531/97.]

KATA PENGANTAR

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2017 akan menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang mula dilaksanakan pada tahun 1989. KSSM digubal bagi memenuhi keperluan dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 agar kualiti kurikulum yang dilaksanakan di sekolah menengah setanding dengan standard antarabangsa. Kurikulum berasaskan standard yang menjadi amalan antarabangsa telah dijelmakan dalam KSSM menerusi pengubalan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) untuk semua mata pelajaran yang mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi.

Usaha memasukkan standard pentaksiran di dalam dokumen kurikulum telah mengubah lanskap sejarah sejak Kurikulum Kebangsaan dilaksanakan di bawah Sistem Pendidikan Kebangsaan. Menerusinya murid dapat ditaksir secara berterusan untuk mengenal pasti tahap penguasaannya dalam sesuatu mata pelajaran, serta membolehkan guru membuat tindakan susulan bagi mempertingkatkan pencapaian murid.

DSKP yang dihasilkan juga telah menyepadukan enam tunjang Kerangka KSSM, mengintegrasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai, serta memasukkan secara eksplisit Kemahiran Abad Ke-21 dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Penyepaduan tersebut dilakukan untuk melahirkan insan seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani sebagaimana tuntutan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Bagi menjayakan pelaksanaan KSSM, pengajaran dan pembelajaran guru perlu memberi penekanan kepada KBAT dengan memberi fokus kepada pendekatan Pembelajaran Berasaskan Inkuiri dan Pembelajaran Berasaskan Projek, supaya murid dapat menguasai kemahiran yang diperlukan dalam abad ke-21.

Kementerian Pendidikan Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam pengubalan KSSM. Semoga pelaksanaan KSSM akan mencapai hasrat dan matlamat Sistem Pendidikan Kebangsaan.

Dr. Mohamed bin Abu Bakar
Timbalan Pengarah
Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia

PENDAHULUAN

Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas (KSSMPK) mengambil kira keupayaan dan potensi Murid Berkeperluan Khas (MBK) dari pelbagai kategori dan kefungsiannya. Semua MBK dalam kategori Ketidakeupayaan Pendengaran, Ketidakeupayaan Penglihatan, Masalah Pembelajaran, Ketidakeupayaan Fizikal, Ketidakeupayaan Pertuturan dan Ketidakeupayaan Pelbagai mempunyai ruang dan peluang yang sama untuk mengikuti KSSMPK (Peraturan Pendidikan Khas 2013).

MBK yang mempunyai keupayaan kognitif yang tinggi dan tidak mempunyai masalah tingkah laku, pengurusan diri dan emosi, mereka boleh mengikuti KSSM arus perdana. KSSMPK bagi MBK tahap kefungsiannya sederhana mereka boleh mengikuti kurikulum yang berfokus kepada kemahiran vokasional. Manakala MBK tahap kefungsiannya rendah, mereka boleh mengikuti kurikulum yang berfokus kepada perkembangan 6 domain iaitu kognitif, bahasa, sosio-emosi, tingkah laku, motor kasar dan motor halus.

KSSMPK merangkumi mata pelajaran teras dan mata pelajaran kemahiran vokasional. Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) disediakan bagi mata pelajaran teras.

Mata pelajaran teras menyediakan pengetahuan dan kemahiran asas literasi dan numerasi serta membantu meningkatkan perkembangan domain. Manakala, *Written Instructional Material* (WIM) digunakan sebagai modul pengajaran dan pembelajaran (PdP) untuk mata pelajaran kemahiran vokasional. WIM ini dibangunkan dengan merujuk kepada *National Occupational Skills Standard* (NOSS) yang dikeluarkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK). Mata pelajaran ini menyediakan pengetahuan dan kemahiran sebagai persediaan untuk MBK berdikari dan menempuh alam pekerjaan. Di samping itu, KSSMPK melengkapkan MBK dengan kemahiran insaniah.

KSSM Pendidikan Khas Bahasa Melayu Komunikasi memberi peluang MBK menguasai kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Di samping itu, dapat meningkatkan interaksi lisan dan interaksi penulisan. Pemerolehan ini boleh dicapai sekiranya MBK diberi ruang menggunakan bahasa secara aktif dan interaktif dalam kehidupan seharian dengan sokongan pembelajaran yang berkesan.

MATLAMAT

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSMPK) Pendidikan Khas Bahasa Melayu Komunikasi bermatlamat untuk melengkapkan murid berkeperluan khas (MBK) dengan keterampilan berbahasa, berkomunikasi serta memperoleh ilmu, kemahiran dan nilai bagi memenuhi keperluan diri dalam urusan harian, pendidikan dan kerjaya.

OBJEKTIF

KSSMPK Bahasa Melayu Komunikasi bertujuan untuk membolehkan murid mencapai objektif berikut:

1. Mendengar, menyebut dan memahami perkataan, istilah, rangkai kata, ungkapan, peribahasa dan ayat dalam ujaran daripada pelbagai maklumat, memahami dan memberikan respons yang betul, tepat dan jelas mengikut konteks.
2. Berbicara, bersoal jawab, berbincang, memberi pendapat dan ulasan tentang sesuatu perkara dalam pelbagai situasi dengan sebutan dan intonasi yang betul, gramatis dan santun.
3. Membaca dan memahami pelbagai bahan bercetak dan grafik bagi tujuan mendapatkan maklumat dengan betul dan tepat, meningkatkan kelancaran bacaan serta meluaskan perbendaharaan kata dan ilmu pengetahuan.
4. Menulis untuk menerangkan sesuatu perkara daripada pelbagai bahan dan menghasilkan pelbagai bentuk penulisan serta grafik dengan menggunakan perkataan, istilah, rangkai kata, ayat dan laras bahasa dengan betul, gramatis serta menarik.
5. Memahami dan menggunakan tatabahasa dalam lisan serta penulisan dengan betul mengikut konteks.
6. Menghayati dan mengamalkan nilai murni, sikap positif, semangat patriotisme dan kewarganegaraan melalui aktiviti berbahasa.

KERANGKA KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

KSSM dibina berasaskan enam tunjang, iaitu Komunikasi; Kerohanian, Sikap dan Nilai; Kemanusiaan; Keterampilan Diri; Perkembangan Fizikal dan Estetika; serta Sains dan Teknologi. Enam tunjang tersebut merupakan domain utama yang menyokong antara satu sama lain dan disepadukan dengan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif.

Kesepaduan ini bertujuan membangunkan modal insan yang menghayati nilai-nilai murni berteraskan keagamaan, berpengetahuan, berketerampilan, berpemikiran kritis dan kreatif serta inovatif sebagaimana yang digambarkan dalam Rajah 1. KSSRPK Bahasa Melayu Komunikasi digubal berdasarkan enam tunjang Kerangka KSSM.



Rajah 1: Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Menengah

FOKUS

Fokus utama KSSMPK Bahasa Melayu Komunikasi adalah untuk membolehkan murid menguasai Bahasa Melayu dan boleh berkomunikasi bagi memenuhi keperluan diri serta bersosialisasi bagi mencapai kehidupan bermakna. KSSMPK Bahasa Melayu Komunikasi juga menekankan kemahiran berbahasa untuk membolehkan MBK memperoleh ilmu, meningkatkan kemahiran serta mengamalkan nilai untuk menjalani kehidupan harian. KSSMPK BMK menekankan tiga kemahiran untuk dikuasai oleh MKB iaitu:

Kemahiran Mendengar dan Bertutur atau Melihat, Mengecam dan Mengisyarat

Kemahiran mendengar/ melihat dan mengecam melibatkan keupayaan murid mendengar/ melihat dan mengecam dengan teliti, memahami dan menghayati perkara yang didengar dalam pelbagai situasi pengucapan. Kemahiran bertutur/ mengisyarat melibatkan interaksi dua hala termasuk berbual dan berbincang untuk menjalin hubungan serta menyampaikan maklumat, pendapat dan perasaan dengan sebutan/ isyarat yang betul serta tepat secara bersopan dan bertatasusila.

Kemahiran Membaca

Kemahiran membaca berfokus pada keupayaan murid membaca secara mekanis dengan sebutan dan intonasi yang betul, serta membaca dan memahami pelbagai bahan untuk memperoleh ilmu pengetahuan, memproses maklumat, menyampaikan maklumat dan menghayati bahan bacaan. Bagi MBK Ketidakupayaan Pendengaran kemahiran membaca ialah dengan melakukan isyarat yang tepat dan betul. Bagi MBK ketidakupayaan penglihatan bahan bacaan adalah dengan menggunakan teks besar atau braille mengikut keperluan individu di samping penggunaan peralatan khas seperti kanta pembesar atau CCTV.

Kemahiran Menulis / Membraille

Kemahiran menulis berfokus pada keupayaan murid menulis perkataan, rangkai kata dan ayat, serta melahirkan idea melalui pelbagai bentuk penulisan lengkap dengan menggunakan ilmu dan pengalaman peribadi yang telah dilalui. Penggunaan ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul juga diberi penekanan. Aspek morfologi dan sintaksis serta sistem bahasa Melayu yang perlu dikuasai oleh MBK diterapkan melalui aktiviti penulisan.

KEMAHIRAN ABAD KE-21

Satu daripada hasrat KSSM adalah untuk melahirkan murid yang mempunyai Kemahiran Abad Ke-21 dengan memberi fokus kepada kemahiran berfikir serta kemahiran hidup dan kerjaya yang berteraskan amalan nilai murni. Kemahiran Abad Ke-21 bermatlamat untuk melahirkan murid yang mempunyai ciri-ciri yang dinyatakan dalam profil murid seperti dalam Jadual 1 supaya berupaya bersaing di peringkat global. Penguasaan Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) dalam kurikulum Bahasa Melayu Komunikasi menyumbang kepada pemerolehan Kemahiran Abad Ke-21 dalam kalangan murid.

Jadual 1: Profil Murid

PROFIL MURID	PENERANGAN
Berdaya Tahan	Mereka mampu menghadapi dan mengatasi kesukaran, mengatasi cabaran dengan kebijaksanaan, keyakinan, toleransi, dan empati.
Mahir Berkomunikasi	Mereka menyuarakan dan meluahkan fikiran, idea dan maklumat dengan yakin dan kreatif secara lisan dan bertulis, menggunakan pelbagai media dan teknologi.

PROFIL MURID	PENERANGAN
Pemikir	Mereka berfikir secara kritikal, kreatif dan inovatif; mampu untuk menangani masalah yang kompleks dan membuat keputusan yang beretika. Mereka berfikir tentang pembelajaran dan diri mereka sebagai murid. Mereka menjana soalan dan bersifat terbuka kepada perspektif, nilai dan tradisi individu dan masyarakat lain. Mereka berkeyakinan dan kreatif dalam menangani bidang pembelajaran yang baru.
Kerja Sepasukan	Mereka boleh bekerjasama secara berkesan dan harmoni dengan orang lain. Mereka menggalas tanggungjawab bersama serta menghormati dan menghargai sumbangan yang diberikan oleh setiap ahli pasukan. Mereka memperoleh kemahiran interpersonal melalui aktiviti kolaboratif, dan ini menjadikan mereka pemimpin dan ahli pasukan yang lebih baik.
Bersifat Ingin Tahu	Mereka membangunkan rasa ingin tahu semula jadi untuk meneroka strategi dan idea baharu. Mereka mempelajari kemahiran yang diperlukan untuk menjalankan inkuiri dan penyelidikan, serta menunjukkan sifat berdikari dalam pembelajaran. Mereka menikmati pengalaman pembelajaran sepanjang hayat secara berterusan.

PROFIL MURID	PENERANGAN
Berprinsip	Mereka berintegriti dan jujur, kesamarataan, adil dan menghormati maruah individu, kumpulan dan komuniti. Mereka bertanggungjawab atas tindakan, akibat tindakan serta keputusan mereka.
Bermaklumat	Mereka mendapatkan pengetahuan dan membentuk pemahaman yang luas dan seimbang merentasi pelbagai disiplin pengetahuan. Mereka meneroka pengetahuan dengan cekap dan berkesan dalam konteks isu tempatan dan global. Mereka memahami isu-isu etika/ undang-undang berkaitan maklumat yang diperolehi.
Penyayang/ Prihatin	Mereka menunjukkan empati, belas kasihan dan rasa hormat terhadap keperluan dan perasaan orang lain. Mereka komited untuk berkhidmat kepada masyarakat dan memastikan kelestarian alam sekitar.
Patriotik	Mereka mempamerkan kasih sayang, sokongan dan rasa hormat terhadap negara.

KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI

KBAT dinyatakan dalam kurikulum secara eksplisit supaya guru dapat menterjemahkan dalam pengajaran dan pembelajaran bagi merangsang pemikiran berstruktur dan berfokus dalam kalangan murid. Penerangan KBAT adalah berfokus kepada empat tahap pemikiran seperti Jadual 2.

Jadual 2: Tahap pemikiran dalam KBAT

TAHAP PEMIKIRAN	PENERANGAN
Mengaplikasi	Menggunakan pengetahuan, kemahiran, dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara.
Menganalisis	Mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubung kait antara bahagian berkenaan.
Menilai	Membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran dan nilai serta memberi justifikasi.
Mencipta	Menghasilkan idea, produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif.

KBAT ialah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. KBAT merangkumi kemahiran berfikir kritis, kreatif dan menaakul serta strategi berfikir.

Kemahiran berfikir kritis adalah kebolehan untuk menilai sesuatu idea secara logik dan rasional untuk membuat pertimbangan yang wajar dengan menggunakan alasan dan bukti yang munasabah.

Kemahiran berfikir kreatif adalah kemampuan untuk menghasilkan atau mencipta sesuatu yang baharu dan bernilai dengan menggunakan daya imaginasi secara asli serta berfikir tidak mengikut kelaziman.

Kemahiran menaakul adalah keupayaan individu membuat pertimbangan dan penilaian secara logik dan rasional.

Strategi berfikir merupakan cara berfikir yang berstruktur dan berfokus untuk menyelesaikan masalah.

KBAT boleh diaplikasi dalam bilik darjah melalui aktiviti berbentuk menaakul, pembelajaran inkuiri, penyelesaian masalah dan projek. Guru dan murid perlu menggunakan alat berfikir seperti peta pemikiran dan peta minda serta penyualan aras tinggi untuk menggalakkan murid berfikir.

STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Strategi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang dirancang perlu memberi penekanan kepada PdP berpusatkan murid. Murid dilibatkan secara aktif dalam PdP yang menyepadukan pemerolehan pengetahuan, penguasaan kemahiran dan penerapan sikap dan nilai murni. Dalam melaksanakan PdP, guru perlu menyusun atur kemahiran yang hendak diajar, memberi latihan yang konsisten dan menilai tahap pencapaian murid melalui proses analisis tugas dengan mengambil langkah-langkah berikut:

- Mengenal pasti tahap keupayaan murid.
- Merancang aktiviti PdP yang sesuai mengikut tahap keupayaan murid.
- Menghuraikan secara ringkas aktiviti yang dipilih.
- Menyediakan Bahan Bantu Mengajar (BBM) dan Bahan Bantu Belajar (BBB) yang sesuai dengan tahap keupayaan murid.
- Mencerakinkan aktiviti kepada langkah-langkah yang lebih kecil.
- Membuat pemerhatian dan penilaian terhadap pencapaian murid.
- Membuat penambahbaikan yang sesuai.

Bagi meningkatkan minat dan keseronokan belajar, guru boleh mempelbagaikan pendekatan pengajaran seperti pembelajaran berasaskan inkuiri, konstruktivisme, pembelajaran kontekstual, pembelajaran masteri, analisis tugas, belajar melalui bermain, pengajaran bertema, pembelajaran pengalaman, pendekatan kolaborasi dan multi sensori.

Pembelajaran Berasaskan Inkuiri

Pembelajaran berasaskan inkuiri merupakan pendekatan yang mementingkan pembelajaran melalui pengalaman. Inkuiri secara am bermaksud mencari maklumat, menyoal dan menyiasat tentang sesuatu fenomena yang berlaku. Pembelajaran secara inkuiri berlaku apabila konsep dan prinsip utama dikaji dan ditemui oleh murid sendiri. Dalam strategi PdP inkuiri, murid menyoal dan mengemukakan pendapat berlandaskan hasil pemerolehan. Guru boleh bertindak sebagai fasilitator dengan mengemukakan soalan bagi memandu murid ke arah inkuiri. Perbincangan boleh dijalankan sebelum, semasa dan selepas menjalankan aktiviti.

Konstruktivisme

Konstruktivisme membolehkan murid belajar sesuatu dengan cara membina sendiri pemahaman yang bermakna kepada diri mereka. Antara unsur penting dalam konstruktivisme ialah:

- (i) Guru mengambil kira pengetahuan sedia ada murid.
- (ii) Pembelajaran adalah hasil usaha murid sendiri.
- (iii) Pembelajaran berlaku apabila murid menghubungkan idea asal dengan idea baharu bagi menstruktur semula idea mereka.
- (iv) Murid berpeluang bekerjasama, berkongsi idea dan pengalaman serta membuat refleksi.

Pembelajaran Kontekstual

Pembelajaran Kontekstual adalah pembelajaran yang dikaitkan dengan kehidupan harian murid. Dalam melaksanakan pendekatan pembelajaran kontekstual, perkaitan antara ilmu yang diajar dengan kehidupan harian dieksplisitkan. Murid tidak hanya belajar secara teori semata-mata, bahkan dapat menghayati kerelevanan ilmu yang dipelajari dengan kehidupan harian.

Pembelajaran Berasaskan Projek

Pembelajaran Berasaskan Projek merupakan proses PdP yang berasaskan inkuiri. Strategi ini memerlukan murid untuk memberi tumpuan kepada persoalan atau masalah yang kompleks, menyelesaikan masalah tersebut melalui proses penyiasatan secara bekerjasama dalam suatu tempoh waktu. Projek yang dijalankan adalah untuk menyiasat topik atau isu yang dihadapi murid dalam persekitaran sebenar. Semasa menjalankan proses

penyiasatan ini, murid dapat mempelajari kandungan, maklumat dan fakta-fakta yang diperlukan untuk membuat kesimpulan tentang persoalan atau masalah yang ditimbulkan. Melalui PBP murid dapat mempelajari kemahiran yang dihasratkan dan mengasah kemahiran berfikir mereka sendiri.

Belajar Melalui Bermain

Pendekatan Belajar Melalui Bermain (BMB) ditekankan dalam proses PdP bagi murid khususnya MBK kerana pendekatan ini berupaya menarik minat dan menimbulkan keseronokan ketika belajar. BMB menggalakkan MBK melakukan penerokaan, penemuan dan pembinaan kefahaman berdasarkan pengalaman, dengan rasa gembira dan seronok. Pendekatan ini boleh meningkatkan keupayaan kognitif dan meningkatkan rasa ingin tahu, penguasaan kemahiran berfikir dan psikomotor, serta kemahiran mengendalikan emosi.

Ciri-ciri BMB adalah seperti berikut:

- (i) Aktiviti yang menyeronokkan.
- (ii) Penerokaan dan interaksi dengan persekitaran.
- (iii) Permainan bebas dan terancang.
- (iv) Keanjalan masa.
- (v) Percubaan idea sendiri.
- (vi) Peluang untuk memberikan tumpuan dan perhatian.

Pendekatan Bertema

Pendekatan Bertema (PB) digunakan dalam proses PdP murid. Pemilihan topik atau tema mestilah bersesuaian dengan persekitaran murid.

Pendekatan PB melibatkan:

- (i) Penggunaan suatu tajuk umum merentasi bidang pembelajaran.
- (ii) Pemilihan tajuk tema berasaskan kesesuaian tahap murid, situasi tertentu atau peristiwa semasa.
- (iii) Saling berkaitan dengan pengalaman sedia ada dan pengalaman baharu yang diperoleh secara tersusun dan sistematik.
- (iv) Peluasan dan pengukuhan pengetahuan dan kemahiran
- (v) Pemeringkatan daripada yang mudah kepada yang sukar dan umum kepada yang lebih khusus.

Pemilihan tema pula perlu mengambil kira:

- (i) Kesesuaian dengan kehidupan murid.
- (ii) Peluang untuk mengaplikasi kemahiran kepada murid-murid seperti kemahiran asas mendengar, membaca, menulis, mengira, penggunaan komputer dan lain-lain.
- (iii) Kemahiran yang diperoleh daripada tema yang diajar dapat membantu murid mendapat kemahiran penyelesaian masalah.

- (iv) Sumber yang mudah didapati.
- (v) Mengikut musim atau peristiwa untuk memberi kesedaran dan pengukuhan serta meningkatkan pengetahuan murid.

Pembelajaran Pengalamian

Pendekatan Pembelajaran Pengalamian adalah berdasarkan kesediaan dan keupayaan individu murid khususnya MBK. Pendekatan ini meningkatkan keupayaan sendiri individu iaitu murid diberi peluang menilai keupayaan diri sendiri.

Dalam melaksanakan pendekatan ini, guru berperanan:

- Menentukan suasana yang positif untuk proses pembelajaran.
- Menjelaskan peranan murid dalam tugas.
- Memastikan sumber untuk proses pembelajaran ada dan mudah diperolehi.
- Menyusun sumber untuk proses pembelajaran.
- Seimbangkan komponen intelek dan emosi dalam pembelajaran.
- Berkongsi perasaan dan pemikiran dengan murid tanpa menguasai dan mengongkong mereka.

Proses pembelajaran bagi Pendekatan Pengalamian ialah:

- (i) Guru menentukan matlamat dan objektif untuk individu dan/ atau kumpulan.
- (ii) Guru merancang aktiviti pembelajaran yang sesuai dengan kesediaan murid.
- (iii) Guru perlu menjelaskan tugas atau aktiviti yang akan dijalankan dengan murid dan berbincang mengenai objektif yang diharapkan daripada murid.
- (iv) Murid perlu ditempatkan dalam situasi atau suasana yang memerlukan kemahiran baharu atau sokongan dan peneguhan dengan pengalaman yang lalu.
- (v) Pembelajaran berlaku melalui pengalaman pembelajaran dan guru memberi maklumat tentang apa yang dilakukan atau dipelajari.
- (vi) Guru memberikan bantuan, latihan dan peneguhan dengan mengaitkan pembelajaran yang baharu dalam kehidupan sebenar murid seperti sekolah, keluarga dan komuniti.

Pembelajaran Luar Bilik Darjah

Pendekatan ini bertujuan menyediakan ruang dan peluang untuk murid:

- (i) Memperoleh pengalaman sebenar.
- (ii) Meningkatkan kecergasan dan perkembangan fizikal.

- (iii) Bersosialisasi dan berkomunikasi.
- (iv) Melaksanakan aktiviti yang menggemirakan.
- (v) Meneroka dan berinteraksi dengan persekitaran.
- (vi) Melakukan aktiviti bebas dan aktiviti terancang.

Antara aktiviti di luar bilik darjah termasuk lawatan, perkhemahan/kursus motivasi, perkelahan, aktiviti berkuda, berenang dan aktiviti menjual beli.

RANCANGAN PENDIDIKAN INDIVIDU

Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013 telah menjelaskan bahawa Rancangan Pendidikan Individu (RPI) adalah rekod yang melaporkan butiran rancangan pendidikan berasaskan kepada potensi individu MBK. Guru perlu mengenal pasti keupayaan dan kelemahan murid melalui ujian diagnostik secara pemerhatian, lisan dan penulisan. Matlamat RPI adalah untuk meminimalkan halangan belajar dan memaksimumkan potensi diri bagi meningkatkan kesediaan MBK untuk belajar.

Kerjasama dan kolaboratif antara ibu bapa, kumpulan pakar, agensi kerajaan, pusat latihan kemahiran dan agensi bukan kerajaan (NGO) amat penting dalam menentukan aktiviti intervensi, rehabilitasi dan program transisi yang sesuai dengan

ketidakupayaan murid. Aktiviti intervensi dan rehabilitasi seperti latihan pertuturan, kawalan emosi dan tingkah laku boleh membantu murid meningkatkan tumpuan, minat dan perhatian kepada PdP di dalam bilik darjah. Program transisi pula dapat membantu MBK mengadaptasi dan menyesuaikan diri dengan keluarga, persekitaran, komuniti, tempat latihan dan tempat kerja untuk advokasi diri dan sokongan psikologi. Justeru, gabungan aktiviti intervensi, rehabilitasi dan program transisi akan dapat membantu guru membina RPI dengan lebih berkesan.

ELEMEN MERENTAS KURIKULUM

Elemen Merentas Kurikulum (EMK) ialah unsur nilai tambah yang diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) selain yang ditetapkan dalam standard kandungan. Elemen-elemen ini diterapkan bertujuan mengukuhkan kemahiran dan keterampilan modal insan yang dihasratkan serta dapat menangani cabaran semasa dan masa hadapan. Elemen-elemen dalam EMK adalah seperti berikut:

1. Bahasa

- Penggunaan bahasa pengantar yang betul perlu dititikberatkan dalam semua mata pelajaran.

- Semasa PdP bagi setiap mata pelajaran, aspek sebutan, struktur ayat, tatabahasa, istilah dan laras bahasa perlu diberi penekanan bagi membantu murid menyusun idea dan berkomunikasi secara berkesan.

2. Kelestarian Alam Sekitar

- Kesedaran mencintai dan menyayangi alam sekitar dalam jiwa murid perlu dipupuk melalui PdP semua mata pelajaran.
- Pengetahuan dan kesedaran terhadap kepentingan alam sekitar dalam membentuk etika murid untuk menghargai alam.

3. Nilai Murni

- Nilai murni diberi penekanan dalam semua mata pelajaran supaya murid sedar akan kepentingan dan mengamalkannya.
- Nilai murni merangkumi aspek kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan yang menjadi amalan dalam kehidupan harian.

4. Sains dan Teknologi

- Menambahkan minat terhadap sains dan teknologi dapat meningkatkan literasi sains serta teknologi dalam kalangan murid.
- Penggunaan teknologi dalam pengajaran dapat membantu serta menyumbang kepada pembelajaran yang lebih cekap dan berkesan.
- Pengintegrasian Sains dan Teknologi dalam PdP merangkumi empat perkara iaitu:
 - (i) Pengetahuan sains dan teknologi (fakta, prinsip, konsep yang berkaitan dengan sains dan teknologi);
 - (ii) Kemahiran saintifik (proses pemikiran dan kemahiran manipulatif tertentu);
 - (iii) Sikap saintifik (seperti ketepatan, kejujuran, keselamatan); dan
 - (iv) Penggunaan teknologi dalam aktiviti PdP.

5. Patriotisme

- Semangat patriotik dapat dipupuk melalui semua mata pelajaran, aktiviti kokurikulum dan khidmat masyarakat.

- Semangat patriotik dapat melahirkan murid yang mempunyai semangat cintakan negara dan berbangga sebagai rakyat Malaysia.

6. Kreativiti dan Inovasi

- Kreativiti adalah kebolehan menggunakan imaginasi untuk mengumpul, mencerna dan menjana idea atau mencipta sesuatu yang baharu atau asli melalui ilham atau gabungan idea yang ada.
- Inovasi merupakan pengaplikasian kreativiti melalui ubah suaian, membaiki dan mempraktikkan idea.
- Kreativiti dan inovasi saling bergandingan dan perlu untuk memastikan pembangunan modal insan yang mampu menghadapi cabaran abad ke-21.
- Elemen kreativiti dan inovasi perlu diintegrasikan dalam PdP.

7. Keusahawanan

- Penerapan elemen keusahawanan bertujuan membentuk ciri-ciri dan amalan keusahawanan sehingga menjadi satu budaya dalam kalangan murid.
- Ciri keusahawanan boleh diterapkan dalam PdP melalui aktiviti yang mampu memupuk sikap seperti rajin, jujur,

amanah dan bertanggungjawab serta membangunkan minda kreatif dan inovatif untuk memacu idea ke pasaran.

8. Teknologi Maklumat dan Komunikasi

- Penerapan elemen TMK dalam PdP memastikan murid dapat mengaplikasi dan mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran asas TMK yang dipelajari.
- Pengaplikasian TMK bukan sahaja mendorong murid menjadi kreatif malah menjadikan PdP lebih menarik dan menyeronokkan serta meningkatkan kualiti pembelajaran.
- TMK diintegrasikan mengikut kesesuaian topik yang hendak diajar dan sebagai pengupaya bagi meningkatkan lagi kefahaman murid terhadap kandungan mata pelajaran.
- Salah satu penekanan dalam TMK adalah pemikiran komputasional yang boleh diaplikasikan dalam semua mata pelajaran. Pemikiran komputasional merupakan satu kemahiran untuk menggunakan konsep penaakulan logik, algoritma, leraian, pengecaman corak, peniskalaan dan penilaian dalam proses menyelesaikan masalah berbantuan komputer.

9. Kelestarian Global

- Elemen Kelestarian Global bermatlamat melahirkan murid berdaya fikir lestari yang bersikap responsif terhadap persekitaran dalam kehidupan harian dengan mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diperolehi melalui elemen Penggunaan dan Pengeluaran Lestari, Kewarganegaraan Global dan Perpaduan.
- Elemen Kelestarian Global penting dalam menyediakan murid bagi menghadapi cabaran dan isu semasa di peringkat tempatan, negara dan global.
- Elemen ini diajar secara langsung dan secara sisipan dalam mata pelajaran yang berkaitan.

10. Pendidikan Kewangan

- Penerapan elemen Pendidikan Kewangan bertujuan membentuk generasi masa hadapan yang berkeupayaan membuat keputusan kewangan yang bijak, mengamalkan pengurusan kewangan yang beretika serta berkemahiran menguruskan hal ehwal kewangan secara bertanggungjawab.
- Elemen Pendidikan Kewangan boleh diterapkan dalam PdP secara langsung ataupun secara sisipan. Penerapan secara langsung adalah melalui tajuk-tajuk seperti Wang

yang mengandungi elemen kewangan secara eksplisit seperti pengiraan faedah mudah dan faedah kompoun. Penerapan secara sisipan pula diintegrasikan melalui tajuk-tajuk lain merentas kurikulum. Pendedahan kepada pengurusan kewangan dalam kehidupan sebenar adalah penting bagi menyediakan murid dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dapat diaplikasikan secara berkesan dan bermakna.

11. Kemahiran Transisi

Pelaksanaan KSSMPK perlu menyepadukan modul transisi bagi meningkatkan kesediaan MBK untuk menyesuaikan diri dengan perubahan dalam perkembangan fizikal, corak kehidupan harian, membina hubungan dengan ahli keluarga, rakan sebaya, guru dan komuniti baru apabila mereka mengalami peralihan. Sepanjang sesi persekolahan, MBK akan mengalami peralihan atau transisi dari peringkat prasekolah ke sekolah rendah dan seterusnya ke sekolah menengah termasuk peralihan apabila mereka naik darjah dan tingkatan.

Proses transisi di sepanjang persekolahan memerlukan MBK melalui perubahan lokasi (sekolah dan kelas), mendapat rakan dan guru baharu serta perubahan kurikulum dan perubahan pemikiran dan fizikal. Perubahan ini memberi tekanan kepada MBK untuk menyesuaikan diri mereka agar mereka lebih bersedia untuk belajar di dalam bilik darjah.

Kandungan modul transisi pada peringkat sekolah rendah ini mengandungi 4 komponen iaitu:

(i) Kemahiran Adaptasi Persekitaran.

Guru membantu MBK untuk memahami dan mematuhi perkara seperti berikut:

- Peraturan dalam bilik darjah dan sekolah.
- Jadual.
- Rutin harian.
- Keperluan mengikut giliran.
- Keperluan mengikut dan mematuhi arahan.

(ii) Kemahiran Ketrampilan Sosial

Guru membantu MBK untuk memahami dan menguasai kemahiran berikut:

- Memenuhi tanggungjawab sebagai anak, murid dan akan sebaya.

- Menanam tingkah laku sosial yang positif di mana MBK boleh membezakan batasan hubungan dalam masyarakat.
- Mengawal emosi dan tingkah laku khususnya apabila mereka menghadapi perasaan takut, sedih, gelisah dan sebagainya.

(iii) Kemahiran Pra-akademik

Guru membantu MBK dengan kemahiran membaca dan kemahiran asas literasi dengan memahami objektif pembelajaran dalam arahan yang dipecahkan kepada langkah yang lebih kecil.

(iv) Kemahiran Membina Hubungan dan Komunikasi

Guru membantu MBK melalui proses transisi dengan sokongan ahli keluarga melalui proses berikut:

- Memahami latar belakang dan keperluan individu MBK dari segi minat, aktiviti kegemaran, sifat individu mereka dan amalan di rumah.
- Mendapatkan sokongan ibu bapa dan ahli keluarga serta staf sekolah dalam memahami rutin MBK di sekolah dan di rumah.

- Penyediaan akomodasi dan penyesuaian dalam aspek persekitaran, jadual waktu dan aktiviti rutin harian.
- Berkomunikasi dengan ahli keluarga dan warga sekolah.

Faktor hubungan dan interaksi antara MBK, ahli keluarga dan guru akan mempengaruhi bagaimana MBK belajar dan tahap pencapaian MBK (sosial dan akademik) dalam melalui proses transisi. Menurut pelbagai kajian peringkat antarabangsa, ciri amalan transisi yang berkesan adalah aktiviti yang dapat membantu MBK membina karektor / sifat berikut:

- MBK merasakan mereka sesuai dan suka berada di sekolah (*sense of belonging*).
- MBK memahami dan menghargai budaya di sekolah.
- MBK menghormati dan bergaul dengan rakan, guru dan staf sekolah.
- MBK melibatkan diri secara aktif dalam kelas (*engagement in learning*).
- MBK mengetahui identiti dan peranan mereka sebagai murid.
- Ekpektasi positif dari guru.
- MBK secara berterusan membina sifat yang positif di sekolah dan rumah.

PENTAKSIRAN BILIK DARJAH

Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) merupakan proses mendapatkan maklumat tentang perkembangan murid yang dirancang, dilaksana dan dilaporkan oleh guru yang berkenaan. Proses ini berlaku berterusan bagi membolehkan guru menentukan tahap penguasaan murid.

PBD boleh dilaksanakan oleh guru secara formatif dan sumatif. Pentaksiran secara formatif dilaksanakan seiring dengan proses PdP, manakala pentaksiran secara sumatif dilaksanakan pada akhir sesuatu unit pembelajaran, penggal, semester atau tahun. Guru perlulah merancang, membina item atau instrumen pentaksiran, mentadbir, memeriksa, merekod dan melaporkan tahap penguasaan yang diajar berdasarkan DSKP.

Dalam usaha memastikan pentaksiran membantu meningkatkan keupayaan dan penguasaan murid, guru haruslah melaksanakan pentaksiran yang mempunyai ciri-ciri berikut:

- Menggunakan pelbagai kaedah pentaksiran seperti pemerhatian, lisan dan penulisan.
- Menggunakan pelbagai strategi pentaksiran yang boleh dilaksanakan oleh guru dan murid.

- Mengambil kira pelbagai aras pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari.
- Membolehkan murid mempamerkan pelbagai keupayaan pembelajaran.
- Mentaksir tahap penguasaan murid berdasarkan Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi.
- Mengambil tindakan susulan bagi tujuan pemulihan dan pengukuhan.

PBD juga perlu mengambil kira kemajuan MBK berdasarkan pelaksanaan intervensi yang dirancang menggunakan RPI. RPI merupakan dokumen yang menjelaskan tahap 5 domain perkembangan murid: kognitif, komunikasi, sosio-emosi, tingkah laku, motor kasar dan motor halus. Peningkatan kesediaan MBK untuk belajar boleh dikenal pasti dan direkodkan dalam RPI yang mana akan membantu guru menentukan strategi dan kaedah PdP bersesuaian dengan potensi individu murid.

Tahap Penguasaan

Tahap penguasaan merupakan satu bentuk pernyataan pencapaian yang menunjukkan perkembangan pembelajaran murid. Terdapat enam tahap penguasaan yang menunjukkan aras penguasaan yang disusun secara hierarki. Tahap penguasaan ini

mengambil kira pengetahuan, kemahiran dan nilai yang ditetapkan dalam kurikulum. Jadual 3 menunjukkan penyataan tahap penguasaan umum.

Guru boleh mencatat perkembangan murid di dalam buku rekod mengajar, buku latihan, buku catatan, senarai semak, jadual atau lain-lain yang sesuai. Perekodan tahap penguasaan dibuat ke dalam templat pelaporan yang disediakan setelah PdP bagi setiap bidang, tema, kemahiran atau kelompok Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran selesai dilaksanakan.

Jadual 3: Penyataan Tahap Penguasaan Umum

TAHAP	TAFSIRAN
1 (Tahu)	Murid tahu perkara asas atau boleh melakukan kemahiran asas atau memberi respons terhadap perkara yang asas
2 (Tahu dan faham)	Murid menunjukkan kefahaman dengan menjelaskan sesuatu perkara yang dipelajari dalam bentuk komunikasi
3 (Tahu, faham dan boleh buat)	Murid menggunakan pengetahuan untuk melaksanakan sesuatu kemahiran pada suatu situasi

TAHAP	TAFSIRAN
4 (Tahu, faham dan boleh buat dengan beradab)	Murid menggunakan pengetahuan dan melaksanakan sesuatu kemahiran dengan beradab iaitu mengikut prosedur atau secara analitik dan sistematik
5 (Tahu, faham dan boleh buat dengan beradab terpuji)	Murid menggunakan pengetahuan dan melaksanakan sesuatu kemahiran pada situasi baharu dengan mengikut prosedur atau secara sistematik serta tekal dan bersikap positif
6 (Tahu, faham dan boleh buat dengan beradab mithali)	Murid berupaya menggunakan pengetahuan dan kemahiran sedia ada untuk digunakan pada situasi baharu secara sistematik, bersikap positif, kreatif dan inovatif dalam penghasilan idea baharu serta boleh dicontohi

Tahap Penguasaan Keseluruhan

Tahap Penguasaan Keseluruhan bagi setiap mata pelajaran perlu ditentukan pada setiap akhir tahun. Tahap Penguasaan Keseluruhan ini merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai. Guru perlu mentaksir murid secara kolektif dan holistik dengan melihat semua aspek semasa proses pembelajaran. Guru hendaklah menggunakan pertimbangan profesional dalam semua

proses pentaksiran, khususnya dalam menentukan tahap penguasaan keseluruhan. Pertimbangan profesional boleh dilakukan berdasarkan pengetahuan dan pengalaman guru, interaksi guru bersama murid, serta perbincangan bersama rakan sejawat.

Standard Prestasi KSSMPK Bahasa Melayu Komunikasi

Standard Prestasi KSSMPK Bahasa Melayu Komunikasi digunakan untuk melihat kemajuan dan perkembangan murid dalam pembelajaran, serta prestasi seseorang murid. Pentaksiran Rujukan Standard merupakan proses mendapatkan maklumat tentang sejauh mana murid tahu, faham dan boleh buat atau telah menguasai apa yang dipelajari

berdasarkan pernyataan standard prestasi yang ditetapkan. Pentaksiran sedemikian tidak membandingkan pencapaian seseorang murid dengan murid lain. Perkembangan murid dilaporkan dengan menerangkan tentang kemajuan dan pertumbuhan murid dalam pembelajaran. Murid dinilai secara adil dan saksama sebagai individu dalam masyarakat berdasarkan keupayaan, kebolehan, bakat, kemahiran dan potensi diri tanpa dibandingkan dengan orang lain.

Pihak sekolah berupaya mendapatkan maklum balas yang lengkap dalam bentuk data kualitatif dan kuantitatif. Maklumat yang diperolehi membolehkan pihak yang bertanggungjawab mengenali, memahami, menghargai, serta mengiktiraf murid sebagai insan yang berguna, penting dan mempunyai potensi untuk menyumbang kepada pembangunan negara dan bangsa. Pentaksiran bagi setiap kelompok Standard Kandungan boleh dijalankan dengan menggunakan Standard Prestasi sebagai skala rujukan guru bagi menentukan tahap penguasaan MBK bagi Standard Kandungan yang ditetapkan.

Standard Prestasi menunjukkan enam Tahap Penguasaan (TP) yang merujuk kepada aras penguasaan yang disusun secara hieraki, dan diguna bagi tujuan pelaporan. Guru boleh membuat pertimbangan profesional untuk menentukan tahap penguasaan murid berdasarkan pengalaman bersama murid dan perbincangan profesional dengan rakan sejawat. Pentaksiran yang dibuat seharusnya mengintegrasikan kandungan, kemahiran dan nilai untuk melihat sejauh mana murid menguasai Standard Kandungan tertentu secara holistik. Jadual 4 menyenaraikan maksud dan tafsiran umum tentang setiap tahap penguasaan bagi KSSMPK Bahasa Melayu Komunikasi.

Jadual 4:

Penyataan Tahap Penguasaan Umum KSSMPK Bahasa Melayu Komunikasi

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Murid tahu perkara asas, atau boleh melakukan kemahiran asas atau memberi respons terhadap perkara yang asas.
2	Murid menunjukkan kefahaman untuk menukar bentuk komunikasi atau menterjemah serta menjelaskan apa yang telah dipelajari.
3	Murid menggunakan pengetahuan untuk melaksanakan sesuatu kemahiran pada suatu situasi.
4	Murid melaksanakan sesuatu kemahiran dengan beradab, iaitu mengikut prosedur atau secara sistematik.
5	Murid melaksanakan sesuatu kemahiran pada situasi baharu, dengan mengikut prosedur atau secara sistematik, serta tekal, dan bersikap positif.
6	Murid berupaya menggunakan pengetahuan dan kemahiran sedia ada untuk digunakan pada situasi baharu secara sistematik, bersikap positif, kreatif dan inovatif, serta boleh dicontohi.

ORGANISASI KANDUNGAN

KSSMPK Bahasa Melayu Komunikasi adalah mengikut Surat Pekeliling Ikhtisas yang berkuat kuasa sekarang. Mata pelajaran ini diorganisasikan dalam bentuk standard, iaitu Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran serta Standard Prestasi. KSSMPK Bahasa Melayu Komunikasi ini direka bentuk berasaskan pendekatan pembelajaran modular yang berteraskan kemahiran bahasa iaitu;

- (i) Kemahiran mendengar dan bertutur atau melihat, mengecam dan berisyarat,
- (ii) Kemahiran membaca atau mengisyarat, dan
- (iii) Kemahiran menulis.

Pelaksanaan KSSMPK Bahasa Melayu Komunikasi adalah 48 jam setahun. Berikut adalah cadangan tema Rancangan Pelajaran Tahunan (RPT) bagi mata pelajaran Bahasa Melayu Komunikasi. Terdapat 10 tema yang boleh dikembangkan untuk tujuan PdP mengikut kesesuaian.

Jadual 5: Cadangan Tema KSSMPK

TEMA TINGKATAN 4	
Pencapaian Kendiri <ul style="list-style-type: none"> • Advokasi Diri • Mengurus Emosi • Disiplin 	Alam Sekitar <ul style="list-style-type: none"> • Sumber Air • Pencemaran • Pembangunan Lestari
Hubungan Kekeluargaan <ul style="list-style-type: none"> • Riadah Keluarga • Sokongan Anggota Keluarga • Hormat-menghormati 	Politik <ul style="list-style-type: none"> • Kepimpinan Melalui Teladan • Jati Diri • Identiti Nasional
Hidup Bermasyarakat <ul style="list-style-type: none"> • Amalan 5S • Kerja Berpasukan • Masyarakat Majmuk 	Sains dan Teknologi <ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan Komputer • Telefon Bimbit • Reka Cipta dan Inovasi
Ekonomi <ul style="list-style-type: none"> • Usahawan Berjaya • Etika Kerja • Bijak Merancang 	Masa Lapang <ul style="list-style-type: none"> • Perkhemahan • Kraf Tangan • Membaca
Isu Semasa <ul style="list-style-type: none"> • Etika Laman Sosial • Buli • Amanah 	OKU <ul style="list-style-type: none"> • Paralimpik • Hak OKU • Kau Boleh

TEMA TINGKATAN 5	
Pencapaian Kendiri <ul style="list-style-type: none"> • Kemahiran berdikari • Keselamatan dan perlindungan peribadi • Motivasi diri 	Alam Sekitar <ul style="list-style-type: none"> • Teknologi hijau • Biodiversity • Bahan buangan sisi domestik
Hubungan Kekeluargaan <ul style="list-style-type: none"> • Berkongsi duka lara • Aktiviti kekeluargaan • Masa lapang 	Politik <ul style="list-style-type: none"> • Modal insan • Patriotik • Membendung anasir luar
Hidup Bermasyarakat <ul style="list-style-type: none"> • Kemahiran bersosial dalam masyarakat • Amalan bahasa dalam masyarakat majmuk • Kesantunan bahasa merentas budaya 	Sains dan Teknologi <ul style="list-style-type: none"> • Perniagaan atas talian • Inovasi • Kaedah pemasaran produk
Ekonomi <ul style="list-style-type: none"> • Persediaan kea lam kerjaya • Rakan kongsi perniagaan • Tokoh usahawan 	Masa Lapang <ul style="list-style-type: none"> • Melancong • Kraftangan • Aktiviti luar
Isu Semasa <ul style="list-style-type: none"> • Teknologi era digital • Integriti • Pencegahan rasuah 	OKU <ul style="list-style-type: none"> • Agensi bukan kerajaan (NGO) • Phala tuju OKU • OKU dan produktiviti

Kandungan kurikulum ini disusun di bawah lajur Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi. Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran mengandungi elemen pengetahuan, kemahiran dan nilai. Jadual 6 di bawah memberi tafsiran Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi.

Jadual 6: Organisasi DSKP

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI
Pernyataan spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam suatu tempoh persekolahan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai.	Suatu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan.	Suatu set kriteria umum yang menunjukkan tahap-tahap prestasi yang perlu murid pamerkan sebagai tanda bahawa sesuatu perkara itu telah dikuasai murid.

Standard Kandungan,
Standard Pembelajaran
dan Standard Prestasi
Tingkatan 4

1.0 KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR ATAU MELIHAT, MENGECEM DAN BERISYARAT

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
1.1 Mendengar atau melihat, mengenal dan menyebut perkataan, rangkai kata, istilah, ungkapan dalam pelbagai ujaran harian.	Murid boleh: 1.1.1 Mendengar/ melihat, mengenal sebutan serta menyatakan semula perkataan dan rangkai kata dalam pelbagai ujaran harian.	1	Menyebut semula atau berisyarat perkataan dan rangkai kata dalam pelbagai ujaran harian dengan bimbingan sepenuhnya.	Amalan Komunikasi <ul style="list-style-type: none"> Mengaplikasi asas komunikasi. Mengenal simbol atau label mudah. Ucap selamat dan respons. Berucap di hadapan sekumpulan rakan kelas atau perhimpunan. Menggunakan kesantunan bahasa dalam perbualan. Mengekalkan perhubungan semasa berkomunikasi. Cadangan aktiviti <ul style="list-style-type: none"> Perbualan harian atau rutin Sapaan Dialog
		2	Menjelaskan maklumat yang diterima daripada guru dan rakan dengan sedikit bimbingan.	
	3	Memberikan maklum balas terhadap maklumat yang diterima.		
	4	Menggunakan ujaran dengan bahasa yang baik mengikut situasi.		
	5	Menggunakan ujaran pada situasi baharu dengan menggunakan kesantunan bahasa.		
	6	Mengamalkan kesantunan bahasa dalam ujaran secara tekal dalam kehidupan harian dan boleh dicontohi.		

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
1.2 Mendengar dan menyatakan maklumat tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber	Murid boleh: 1.2.1 Mendengar dan menyatakan maklumat dengan sebutan atau isyarat yang betul dan tepat daripada pelbagai sumber.	1	Menyatakan semula maklumat yang didengar atau dilihat.	Amalan Komunikasi <ul style="list-style-type: none"> • Menyampaikan maklumat dengan betul dan jelas. • Memberi arahan secara lisan, gerak balas, memperlihatkan contoh (<i>modelling</i>) dan bantuan fizikal. • Berani berkomunikasi dan berhubung dengan orang di sekeliling secara lebih berkesan. • Menggunakan teknologi contohnya <i>Augmentative Alternative Communication (AAC)</i> untuk menyuarakan pendapat. Cadangan Aktiviti: <ul style="list-style-type: none"> • Panggilan telefon • Media eletronik (contoh : televisyen,radio) • Media atas talian (contoh:emel, <i>facebook</i>, <i>youtube</i>) • Lirik lagu
		2	Memberi respons berdasarkan maklumat yang didengar atau dilihat.	
	1.2.2 Mendengar dan menyampaikan mesej atau idea dengan sebutan dan intonasi atau isyarat yang betul daripada pelbagai sumber.	3	Menjelaskan maklumat yang didengar/ dilihat mengikut konteks.	
	4	Menyampaikan mesej dengan menggunakan bahasa yang betul.		
	1.2.3 Menyalurkan maklumat yang diterima dalam pelbagai bentuk.	5	Menyampaikan pelbagai maklumat tentang sesuatu perkara dengan lancar dan spontan.	
		6	Menyampaikan maklumat melalui komunikasi berkesan dengan menggunakan pelbagai media secara kreatif dan boleh dicontohi.	

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
1.3 Menyampaikan maklumat tentang sesuatu perkara dalam pelbagai situasi dengan menggunakan pelbagai media.	Murid boleh: 1.3.1 Mengemukakan maklumat berdasarkan situasi.	1	Menyatakan kembali maklumat secara ringkas.	Amalan Komunikasi <ul style="list-style-type: none"> • Belajar kemahiran bertenang dan cara mengawal emosi dalam pelbagai situasi. • Menyelesaikan masalah secara berkumpulan. • Menunjukkan bahasa badan atau isyarat yang sesuai. • Berkomunikasi secara bersemuka kepada pihak yang menawarkan jawatan kosong. • Komunikasi isyarat (gerak anggota badan dan mimik muka) Cadangan aktiviti : <ul style="list-style-type: none"> • Promosi. • Simulasi • Resepi. • Proses kerja.
		2	Menerangkan maklumat yang ingin disampaikan.	
	1.3.2 Menyampaikan isi dan fakta tentang sesuatu perkara dalam pelbagai situasi.	3	Menyampaikan maklumat dalam pelbagai media.	
		4	Menyampaikan maklumat dengan bahasa yang betul.	
	1.3.3 Menyalurkan maklumat dalam bentuk hebahan.	5	Menyampaikan maklumat dengan bahasa yang betul dan sopan.	
		6	Menyampaikan maklumat secara kreatif dan berhemah dalam pelbagai situasi.	

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
1.4 Berbincang dan bersoal jawab tentang sesuatu tajuk.	Murid boleh: 1.4.1 Berbincang dengan menggunakan kosa kata, ungkapan dan ayat yang sesuai.	1	Menyatakan perkara asas tajuk yang dibincangkan.	Amalan Komunikasi <ul style="list-style-type: none"> • Mengurus emosi. • Meluahkan perasaan dan berkomunikasi dengan rakan dan guru. • Menjaga imej diri merangkumi personaliti, hubungan sosial dan tingkah laku. • Menghormati perbezaan pendapat. • Mengekalkan perhubungan. • Membangunkan perhubungan (building). • Menguasai kemahiran temuduga. Cadangan Aktiviti : <ul style="list-style-type: none"> • Kerja berpasukan • Perbincangan • Forum • Membina soalan • Menjawab soalan
		2	Mengenal pasti isi utama perbincangan secara ringkas.	
	1.4.2 Mengemukakan soalan berfokus dalam perbincangan.	3	Menjelaskan isi perbincangan berdasarkan tajuk.	
		4	Mengemukakan pandangan dalam sesi perbincangan dengan berhemah.	
	1.4.3 Memberikan pandangan yang rasional dalam perbincangan.	5	Mengemukakan pandangan yang rasional dalam sesi perbincangan secara berhemah dan yakin.	
		6	Membuat keputusan yang rasional dalam sesi perbincangan dengan bahasa yang santun dan boleh dicontohi.	

2.0 KEMAHIRAN MEMBACA ATAU MENGISYARAT

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
2.1 Membaca untuk memahami makna perkataan, rangkai kata dan istilah serta maksud keseluruhan daripada pelbagai bahan.	Murid boleh:			Amalan Komunikasi <ul style="list-style-type: none"> Membaca iklan, jawatan kosong dari media massa, proses kerja, peraturan keselamatan. Cadangan aktiviti: <ul style="list-style-type: none"> Membaca sambil berlakon Bercerita melalui gambar Bermain dengan kad Merujuk kamus Informasi daripada internet, risalah, surat khabar, buku dan televisyen Permainan bahasa (contoh : Sahiba, teka silang kata, teka-teki, susun suai perkataan atau gambar) Kem Bacaan Program Bijak Bahasa
	2.1.1 Membaca secara Mekanis atau berisyarat.	1	Membaca ayat secara mekanis dan berisyarat dengan betul.	
	2.1.2 Membaca untuk memahami maksud perkataan, rangkai kata istilah, ungkapan dan ayat.	2	Membaca secara mekanis dengan sebutan yang betul dan jelas dan berisyarat dengan betul.	
	2.1.3 Membaca dan menjelaskan maksud petikan.	3	Menjelaskan makna perkataan, rangkai kata dan istilah dengan betul.	
	2.1.4 Membaca dan menjawab soalan daripada bahan bacaan.	4	Mengenal pasti idea utama daripada pelbagai bahan bacaan.	
		5	Mengenalpasti idea dan mengemukakan jawapan yang betul berdasarkan bahan bacaan.	
	6	Mengenalpasti idea, mengemukakan jawapan dan merumuskan maksud keseluruhan bahan bacaan dengan berkesan dan boleh dicontohi.		

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
2.2 Membaca untuk menganalisa maklumat daripada pelbagai bahan bacaan.	Murid boleh: 2.2.1 Membaca untuk menyaring maklumat daripada pelbagai bahan bacaan. 2.2.2 Membaca dan menghuraikan maklumat daripada pelbagai bacaan.	1	Membaca dengan sebutan dan intonasi yang betul.	Amalan Komunikasi : <ul style="list-style-type: none"> • Membaca untuk memahami dan memproses maklumat. • Membuat ulasan. • Membaca secara luncuran. • Menyusun maklumat mengikut urutan. • Berkomunikasi, berkolaborasi dan berkongsi maklumat di dalam dan di luar bilik darjah dengan menggunakan rangkaian dalam talian. • Memahami latar belakang syarikat. • Memahami peraturan di tempat kerja. Cadangan aktiviti : <ul style="list-style-type: none"> • Bahan daripada media cetak (contoh : surat khabar, majalah) • Bahan atas talian • Pembaca berita (main peranan) • Mencetak maklumat
		2	Membaca dengan lancar dan menceritakan semula kandungan bahan yang dibaca secara ringkas.	
		3	Mengenal pasti idea utama dan idea sampingan.	
		4	Menyusun maklumat secara sistematik dan tekal.	
		5	Menghubungkan idea keseluruhan dengan idea tambahan.	
		6	Merumus idea keseluruhan secara rasional dan kreatif dan boleh dicontohi daripada pelbagai bahan.	

3.0 KEMAHIRAN MENULIS

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
3.1 Menulis untuk melengkapkan maklumat dalam pelbagai media.	Murid boleh: 3.1.1 Menulis maklumat dalam pelbagai media: i) Media cetak ii) Media elektronik	1	Mengisi maklumat dari pelbagai media dengan bantuan sepenuhnya.	Amalan Komunikasi : <ul style="list-style-type: none"> • Melengkapkan maklumat pada borang dengan sempurna (maklumat peribadi, latar belakang pendidikan, kemahiran berkomunikasi dan kemahiran komputer) Cadangan aktiviti: <ul style="list-style-type: none"> • Biodata • Resume • Borang bank • Borang manual • Borang atas talian • Memo • Penghantaran pos/perkhidmatan kurier • Borang permohonan kerja • Nota minta • Borang tuntutan • Resit dan bil
		2	Mengisi maklumat dari pelbagai media dengan sedikit bantuan.	
		3	Menulis maklumat dalam pelbagai media dengan ejaan yang betul.	
		4	Menulis maklumat dalam pelbagai media dengan ejaan yang betul.	
		5	Menulis maklumat dalam pelbagai media dengan ejaan yang betul dan tepat.	
		6	Menulis maklumat dalam pelbagai media dengan ejaan yang betul dan tepat dan boleh dicontohi.	

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
3.2 Menulis pelbagai jenis ayat.	Murid boleh: 3.2.1 Menulis perkataan yang terdiri daripada golongan kata.	1	Menulis contoh perkataan bagi golongan kata.	Amalan Komunikasi : <ul style="list-style-type: none"> • Menggunakan bahasa sapaan. • Menggunakan kata panggilan dalam keluarga atau masyarakat. • Menggunakan kata adjektif atau kata kerja/istilah yang sesuai. • Jenis ayat : ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah. • Bentuk ayat : ayat tunggal, ayat majmuk. Cadangan Aktiviti: <ul style="list-style-type: none"> • Main peranan • Karangan berpandu • Drama atau lakonan • Permainan bahasa • Refleksi • Laporan aktiviti kokurikulum • Catatan diari • Catatan penggunaan wang • Jadual rutin
		2	Menyenaraikan perkataan bagi setiap golongan kata dengan betul.	
	3.2.2 Membina ayat dengan menggunakan golongan kata.	3	Melengkapkan ayat dengan menggunakan perkataan daripada golongan kata.	
		4	Membina ayat yang lengkap dengan menggunakan pelbagai golongan kata.	
	3.2.3 Membina pelbagai ayat.	5	Membina pelbagai jenis ayat daripada golongan kata dengan betul dan tepat.	
		6	Membina pelbagai jenis ayat daripada golongan kata dengan betul, tepat dan boleh dicontohi.	

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
3.3 Menulis untuk membina ayat dengan menggunakan pelbagai pola ayat dasar.	Murid boleh: 3.3.1 Menulis ayat menggunakan pola ayat dasar.	1	Menyusun perkataan sehingga mencapai maksud yang bermakna.	Amalan Komunikasi : <ul style="list-style-type: none"> • Membina ayat yang bermakna. • Menggunakan kosa kata yang pelbagai dan menepati topik. • Pola ayat dasar : FN + FN FN + FK FN + FA FN + FSN Cadangan Aktiviti: <ul style="list-style-type: none"> • Laporan • Kertas kerja • Refleksi Komen
		2	Melengkapkan ayat menggunakan perkataan/frasa yang betul.	
	3.3.2 Membina pelbagai jenis ayat.	3	Menulis ayat mudah berdasarkan pola ayat dasar.	
		4	Membina pelbagai jenis pola ayat dasar dengan betul.	
		5	Menghasilkan penulisan pola ayat dasar dengan betul dan tekal.	
		6	Menghasilkan penulisan pelbagai pola ayat dasar dengan betul, tekal dan boleh dicontohi.	

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
3.4 Menghasilkan penulisan ringkas.	Murid boleh: 3.4.1 Menulis untuk melengkapkan ayat dan perenggan dengan menggunakan perkataan dan frasa yang sesuai.	1	Menulis perkataan dan frasa dalam ayat.	Amalan Komunikasi : <ul style="list-style-type: none"> • Memberitahu/ memaklumkan berkenaan perasaan, pemikiran dan kemahuan serta hak mereka • Menyusun mesej yang sistematik dan jelas dengan menggunakan bahasa yang betul • Ragam bahasa Cadangan Aktiviti: <ul style="list-style-type: none"> • Memo • Rekod • Temu bual • Notis/ makluman • Analisis tugasan • Karangan berformat : diari, laporan, kad jemputan, surat kiriman rasmi • Karangan tidak berformat : penulisan berdasarkan gambar, gambaran, melengkapkan petikan
		2	Menulis perkataan dan frasa yang disediakan dalam perenggan atau petikan.	
		3	Melengkapkan tempat kosong dengan perkataan dan frasa yang betul dalam ayat atau perenggan.	
	3.4.2 Menulis ayat dalam bentuk perenggan.	4	Membina ayat dengan menggunakan perkataan dan frasa dengan betul.	
		5	Menghasilkan penulisan ringkas dengan menggunakan perkataan dan frasa yang betul dan tepat.	
		6	Menghasilkan pelbagai bentuk penulisan ringkas dengan menggunakan bahasa yang betul dan boleh dicontohi.	

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
3.5 Menulis dan menghasilkan bahan grafik.	Murid boleh: 3.5.1 Menulis dan menghasilkan bahan grafik. i) Kad ucapan ii) Bahan promosi iii) Slogan	1	Menghasilkan bahan grafik dengan bimbingan sepenuhnya.	Amalan Komunikasi : <ul style="list-style-type: none"> • Menggunakan laras bahasa yang betul. • Bahasa yang padat, ringkas dan berkesan. • Menggunakan peralatan ICT secara sendiri untuk mengumpulkan dan memproses pelbagai jenis bentuk, data dan media. • Mencipta kreativiti dan inovasi. Cadangan aktiviti: <ul style="list-style-type: none"> • Moto • Brosur • Binaan dan model • <i>Facebook</i> • <i>Whatsapp</i>
		2	Menghasilkan bahan grafik dengan sedikit bimbingan.	
		3	Menghasilkan bahan grafik.	
		4	Menghasilkan bahan grafik dengan kreatif.	
		5	Menghasilkan bahan grafik dengan kreatif.	
		6	Mencipta bahan grafik yang sesuai dalam pelbagai situasi dengan kreatif boleh dicontohi.	

Standard Kandungan,
Standard Pembelajaran
dan Standard Prestasi
Tingkatan 5

1.0 KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR/ MELIHAT, MENGECAM DAN BERISYARAT

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
<p>1.1 Mendengar / melihat, mengenal dan menyebut perkataan, rangkai kata, istilah, ungkapan dalam pelbagai ujaran harian.</p>	<p>Murid boleh:</p> <p>1.1.1 Mendengar dan menyampaikan semula maklumat yang diterima dengan betul dan tepat.</p> <p>1.1.2 Memberi respons dengan yakin dan sopan terhadap maklumat yang diterima.</p> <p>1.1.3 Berkomunikasi dengan berkesan tentang sesuatu topik dalam kehidupan harian.</p>	<p>Amalan Komunikasi</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengaplikasi asas komunikasi. • Mempraktikkan komunikasi lisan (<i>verbal</i>) dan bukan lisan (<i>non-verbal</i>) • Mengenal simbol atau label. • Ucap selamat dan memberi respons. • Berucap di hadapan sekumpulan rakan kelas atau perhimpunan. • Menggunakan kesantunan bahasa dalam perbualan. • Mengekalkan perhubungan semasa berkomunikasi. <p>Cadangan aktiviti</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perbualan harian / Rutin • Sapaan atau Dialog • Latih tubi sebutan (fonologi). • Latih tubi aspek struktur (ayat). • Nyanyian • Bercerita tentang gambar

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
<p>1.2 Mendengar dan menyatakan maklumat tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber.</p>	<p>Murid boleh:</p> <p>1.2.1 Menyampaikan maklumat dengan menggunakan pertuturan, gerakan badan, ekspresi muka dan isyarat atau simbol yang bermakna.</p> <p>1.2.2 Mendengar dan menyalurkan maklumat yang diterima daripada pelbagai sumber dalam pelbagai bentuk.</p> <p>1.2.3 Mendengar dan mendapatkan maklum balas tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber.</p>	<p>Amalan Komunikasi</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyampaikan maklumat dengan betul dan jelas. • Memberi arahan secara lisan dan gerak balas serta memperlihatkan contoh (<i>modelling</i>) dan bantuan fizikal. • Berani berkomunikasi dan berhubung dengan orang di sekeliling secara lebih berkesan. • Menggunakan teknologi contohnya AAC (<i>augmentative alternative communication</i>) untuk menyuarakan pendapat. • Komunikasi bersemuka. <p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Membuat panggilan telefon • Menonton tayangan video • Mendengar radio atau muzik • Menggunakan media atas talian (contoh: <i>facebook, youtube</i>) • Membaca e-mail

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
<p>1.3 Menyampaikan maklumat tentang sesuatu perkara dalam pelbagai situasi dengan menggunakan pelbagai media.</p>	<p>Murid boleh:</p> <p>1.3.1 Menyampaikan maklumat tentang sesuatu perkara.</p> <p>1.3.2 Menyampaikan maklumat yang tepat tentang sesuatu perkara dengan menggunakan pelbagai media.</p> <p>1.3.3 Memberi pandangan dengan menggunakan maklumat yang sahih semasa berkomunikasi.</p>	<p>Amalan Komunikasi</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengurus emosi. • Meluahkan perasaan dan berkomunikasi dengan rakan serta guru. • Menjaga imej diri merangkumi personaliti, hubungan sosial dan tingkah laku. • Menghormati perbezaan pendapat. • Mengekalkan perhubungan. • Membangunkan perhubungan. • Menguasai kemahiran temuduga. <p>Cadangan Aktiviti :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Main peranan dalam sesi temuduga. • Perbincangan mengenai isu semasa • Berbincang mengenai resume. • Membina soalan secara lisan • Taklimat tentang peraturan sekolah • Membuat panggilan telefon untuk urusan rasmi dan tidak rasmi.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
<p>1.4 Menyampaikan maklumat tentang sesuatu perkara dalam pelbagai situasi.</p>	<p>Murid boleh:</p> <p>1.4.1 Berbincang dan bersoal jawab menggunakan amalan komunikasi berkesan.</p> <p>1.4.2 Berunding, berinteraksi dan memberi respons dengan menggabungkan komunikasi bukan lisan dan lisan</p> <p>1.4.3 Berkongsi dan bertukar maklumat yang sahih dalam komunikasi.</p>	<p>Amalan Komunikasi</p> <ul style="list-style-type: none"> • Belajar kemahiran bertenang dan cara mengawal emosi dalam pelbagai situasi. • Menyelesaikan masalah secara berkumpulan. • Berkomunikasi dan bertanya secara bersemuka kepada pihak yang menawarkan jawatan kosong. • Komunikasi isyarat (gerak anggota badan dan mimik muka). • Menerima pandangan yang berbeza. • Interaksi sosial. <p>Cadangan aktiviti :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Promosi jualan. • Simulasi jual beli. • Berbincang menegani recepi. • Perbualan semasa berkerjasama. • Main peranan.

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Mendengar, menyampaikan semula dan memberi respons menggunakan kecekapan berbahasa dengan bimbingan penuh.
2	Mendengar, menyampaikan semula dan memberi respons menggunakan kecekapan berbahasa dengan sebutan dan intonasi yang betul dengan bimbingan separa.
3	Mendengar, menyampaikan semula dan memberi respons menggunakan kecekapan berbahasa dengan sebutan dan intonasi yang betul dalam sesuatu situasi.
4	Mendengar, menyampaikan semula dan memberi respons menggunakan kecekapan berbahasa dengan sebutan dan intonasi yang betul secara bertatasusila dalam situasi baharu.
5	Mendengar, menyampaikan semula dan memberi respons menggunakan kecekapan berbahasa dengan sebutan dan intonasi yang betul secara bertatasusila dalam pelbagai.
6	Mendengar, menyampaikan semula dan memberi respons menggunakan kecekapan berbahasa dengan sebutan dan intonasi yang betul secara bertatasusila dengan tekal dan boleh dicontohi.

2.0 KEMAHIRAN MEMBACA / MENGISYARAT

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
<p>2.1 Membaca untuk memahami makna perkataan, rangkai kata dan istilah serta maksud keseluruhan daripada pelbagai bahan serta menyampaikan maklumat tersebut.</p>	<p>Murid boleh:</p> <p>2.1.1 Membaca dengan sebutan yang betul.</p> <p>2.1.2 Membaca untuk mendapatkan maklumat yang terdapat dalam pelbagai bahan.</p> <p>2.1.3 Membaca dan menyampaikan maklumat yang diperolehi daripada bahan bacaan.</p> <p>2.1.4 Menyampaikan maklumat daripada pelbagai bahan yang dibaca dengan laras bahasa yang sesuai.</p>	<p>Amalan Komunikasi</p> <ul style="list-style-type: none"> • Membaca manual prosedur kerja, jawatan kosong dari media massa, proses kerja dan peraturan keselamatan. • Membaca bahan bacaan umum. <p>Cadangan aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Membaca sambil berlakon. • Membaca pelbagai iklan. • Bercerita menggunakan gambar. • Bermain dengan kad. • Merujuk kamus bagi mendapatkan maklumat tambahan. • Mencari maklumat dengan melayari internet, risalah, surat khabar, buku dan televisyen • Permainan bahasa (contoh : Sahiba, teka silang kata, teka –teki, susun suai perkataan/ gambar). • Menyertai Kem Membaca. • Pertandingan cereka kartun • Bukuthon

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
<p>2.2 Membaca untuk menganalisis maklumat daripada pelbagai bahan.</p>	<p>Murid boleh:</p> <p>2.2.1 Membaca untuk membanding beza dan merumus sesuatu maklumat daripada pelbagai bahan bacaan.</p> <p>2.2.2 Membaca, membuat kesimpulan dan menyampaikan maklumat daripada pelbagai bacaan yang dibaca.</p>	<p>Amalan Komunikasi :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Membaca untuk memahami dan memproses maklumat. • Membuat ulasan berdasarkan bahan yang dibaca. • Membaca secara lunjuran. • Menyusun maklumat mengikut urutan. • Berkomunikasi, berkolaborasi dan berkongsi maklumat di dalam dan di luar bilik darjah dengan menggunakan rangkaian dalam talian. • Memahami latar belakang syarikat. • Memahami peraturan di tempat kerja. • Menganalisis bahan bacaan untuk mengenal pasti mesej yang disampaikan. <p>Cadangan aktiviti :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bahan daripada media cetak (contoh : surat khabar, majalah) • Membaca bahan atas talian. • Bengkel pencarian maklumat. • Main peranan sebagai pembaca berita.

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Membaca dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai dengan bimbingan penuh .
2	Membaca dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai serta memahami maklumat dalam bahan bacaan dengan bimbingan separa.
3	Membaca dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai serta memahami dan dapat mengenal pasti maklumat bagi sesuatu bahan bahan yang dibaca.
4	Membaca dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai serta memahami dan menganalisis maklumat daripada pelbagai bahan bacaan.
5	Membaca dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai serta memahami dan menganalisis maklumat daripada pelbagai bahan bacaan secara tekal.
6	Membaca dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai, memahami dan menganalisis maklumat daripada pelbagai bahan bacaan secara tekal dan boleh dicontohi.

3.0 KEMAHIRAN MENULIS

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
<p>3.1 Menulis untuk melengkapkan dan mendapatkan maklumat.</p>	<p>Murid boleh:</p> <p>3.1.1 Menulis maklumat yang diperlukan dalam pelbagai bahan.</p> <p>3.1.2 Mencatat maklumat tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber.</p> <p>3.1.3 Menyebar maklumat berdsarkan bahan yang ditulis.</p>	<p>Amalan Komunikasi :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Melengkapkan maklumat yang diperlukan dalam borang (maklumat peribadi, latar belakang pendidikan, kemahiran berkomunikasi dan kemahiran komputer) <p>Cadangan aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menghasilkan penulisan biodata, resume dan memo. • Menyediakan kertas cadangan dan nota minta. • Melengkapkan borang bank, borang manual, borang atas talian, permohonan melanjutkan pelajaran, borang permohonan kerja • Menyediakan resit dan bil, surat berhenti kerja dan invois. • Penulisan untuk penghantaran pos/ perkhidmatan kurier.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
<p>3.2 Menulis pelbagai jenis ayat.</p>	<p>Murid boleh:</p> <p>3.2.1 Membina ayat dengan menggunakan golongan kata.</p> <p>3.2.2 Membina pelbagai ayat yang betul dan bermakna.</p>	<p>Amalan Komunikasi :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menggunakan bahasa sapaan. • Menggunakan kata panggilan dalam keluarga/ masyarakat. • Menggunakan kata adjektif/ kata kerja/ istilah yang sesuai. • Jenis ayat : ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah. • Bentuk ayat : ayat tunggal, ayat majmuk. <p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menghasilkan catatan harian, catatan perbelanjaan penggunaan wang, jadual rutin dan tulisan luarahan perasaan. • Meneydiakan laporan aktiviti kokurikulum, laporan aktiviti mingguan, laporan tahunan aktiviti perstuan atau kelab, skrip drama atau lakonan.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
<p>3.3 Menghasilkan penulisan ringkas.</p>	<p>Murid boleh:</p> <p>3.3.1 Menulis untuk menyampaikan maklumat yang tepat menggunakan bahasa yang santun.</p> <p>3.3.2 Mengedit hasil penulisan.</p>	<p>Amalan Komunikasi :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Membina ayat yang bermakna. • Menggunakan kosa kata yang pelbagai dan menepati topik. • Pola ayat dasar : FN + FN FN + FK FN + FA FN + FSN <p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menulis refleksi terhadap perkara yang dipelajari. • Menyediakan laporan dan kertas kerja

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
<p>3.4 Menulis dalam penghasilan bahan grafik.</p>	<p>Murid boleh:</p> <p>3.4.1 Menulis dan mereka cipta bahan grafik.</p>	<p>Amalan Komunikasi :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memberitahu/ memaklumkan berkenaan perasaan, pemikiran dan kemahuan serta hak mereka • Menyusun mesej yang sistematik dan jelas dengan menggunakan bahasa yang betul • Menggunakan bahasa yang sesuai dalam bahan grafik. <p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menghasilkan poster, peta lokasi, pelan lantai dan senarai promosi barangan serta perkhidmatan. • Menulis memo, mencatat rekod, temu bual, notis serta makluman. • Menyenarai maklumat kandungan bahan. • Menghasilkan karangan berformat : diari, laporan, kad jemputan, surat kiriman rasmi • Menghasilkan karangan tidak berformat : penulisan berdasarkan gambar, gambaran, melengkapkan petikan.

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Membina dan menulis ayat, mencatat maklumat dan menulis dengan bimbingan penuh.
2	Membina dan menulis ayat, mencatat maklumat dengan bimbingan separa.
3	Membina dan menulis ayat, mencatat maklumat, menghasilkan penulisan ringkas menghasilkan bahan grafik dengan tanpa bimbingan.
4	Membina dan menulis ayat, mencatat maklumat, menghasilkan penulisan ringkas serta mengedit dan menghasilkan bahan grafik pada situasi baharu.
5	Membina dan menulis ayat, mencatat maklumat, menghasilkan penulisan ringkas serta mengedit dan menghasilkan bahan grafik secara tekal.
6	Membina dan menulis ayat, mencatat maklumat, menghasilkan penulisan ringkas serta mengedit dan menghasilkan bahan grafik secara tekal dan boleh dicontohi..

PANEL PENGGUBAL

- | | | |
|----|----------------------------|--|
| 1. | Paizah binti Zakaria | Bahagian Pembangunan Kurikulum |
| 2. | Haris bin Yusof | Bahagian Pembangunan Kurikulum |
| 3. | Mohd Khairul bin Othman | Bahagian Pembangunan Kurikulum |
| 4. | Rohaya binti Mat Jin | SMK Sierramas, Sungai Buloh, Selangor |
| 5. | NoorHidayah binti Sulaiman | SMK Mengkarak, Bandar Bera, Pahang |
| 6. | Jamilah binti Mohamed | SMK Sungai Puteri, Kuala Rompin, Pahang |
| 7. | Notee binti Harun | SMK Seri Selayang, Batu Caves, Selangor. |
| 8. | Nor Hasmiza Binti Sudin | SMK Batu Muda, Kuala Lumpur |

PENGHARGAAN

Penasihat

- | | | |
|---------------------------|---|--------------------------|
| Dr. Mohamed bin Abu Bakar | - | Timbalan Pengarah |
| Datin Dr. Ng Soo Boon | - | Timbalan Pengarah (STEM) |

Penasihat Editorial

- | | | |
|----------------------------------|---|--------------|
| Mohamed Zaki bin Abd. Ghani | - | Ketua Sektor |
| Haji Naza Idris bin Saadon | - | Ketua Sektor |
| Mahyudin bin Ahmad | - | Ketua Sektor |
| Dr. Rusilawati binti Othman | - | Ketua Sektor |
| Mohd Faudzan bin Hamzah | - | Ketua Sektor |
| Fazlinah binti Said | - | Ketua Sektor |
| Mohamed Salim bin Taufix Rashidi | - | Ketua Sektor |
| Haji Sofian Azmi bin Tajul Arus | - | Ketua Sektor |
| Paizah binti Zakaria | - | Ketua Sektor |
| Hajah Norashikin binti Hashim | - | Ketua Sektor |

Penyelaras Teknikal Penerbitan dan Spesifikasi

Saripah Faridah binti Syed Khalid
Mior Syazril bin Mohamed Sapawi

Pereka Grafik

Siti Zulikha binti Zelkepli

ISBN 978-967-420-558-4



**Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia**
Aras 4-8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E,
62604 Putrajaya.
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917
<http://bpk.moe.gov.my>